



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA
BIL. 34/2025

PROSES MENGUNDI AWAL BAGI PILIHAN RAYA UMUM (PRU)
DEWAN UNDANGAN SABAH KE-17
PADA 25 NOVEMBER 2025

1. Hari ini telah berlangsung proses mengundi awal bagi PRU Dewan Undangan Sabah ke-17 yang **bermula pada jam 8.00 pagi**. Sebanyak **58 buah Pusat Mengundi Awal** telah dibuka di seluruh Sabah dan **ditutup pada pukul 5.00 petang**. Seramai **8,347 orang anggota tentera serta pasangan** dan **10,696 orang anggota polis serta Polis PGA dan pasangan** layak untuk mengundi awal dalam PRU Dewan Undangan Sabah Ke-17 ini.
2. Sejumlah **92.5%** atau **17,615 orang pengundi** yang terdiri daripada anggota tentera dan pasangan, anggota polis serta Polis Pasukan Gerakan Am (PGA) dan pasangan telah melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai pengundi awal.
3. SPR merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua Pegawai Pengurus Pilihan Raya dan pasukan kerana telah menjalankan tanggungjawab dengan amat baik pada hari ini.

4. Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, petugas media dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung atas segala kerjasama dan sokongan yang telah diberikan kepada SPR.

Sekian, terima kasih.

DATUK KHAIRUL SHAHRIL BIN IDRUS

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

25 November 2025 / 4 *Jamadilakhir* 1447H